

Tatacara Permohonan Hadir / Tidak Hadir Bagi Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu kali ke 23

Tahniah dan syabas kepada para graduan sekalian kerana berjaya menamatkan sesi pembelajaran di Politeknik Kota Bharu serta berjaya di dalam kerjaya masing-masing. Kami warga Politeknik Kota Bharu, mengalu-alukan kehadiran tuan/puan/cik ke majlis konvokesyen kali ke 23 pada tarikh dan tempat seperti yang telah dinyatakan. Permohonan untuk menghadiri/ tidak menghadiri majlis konvokesyen kali ke 23 pada tahun ini adalah berbeza berbanding dengan sesi yang lepas. Pada kali ini, para graduan diminta untuk mendaftarkan permohonan secara online melalui laman web www.pkb.edu.my. Disini dimaklumkan tatacara untuk mohon menghadiri majlis konvokesyen kali ke 23. Sila rujuk tatacara berikut:

Langkah 1 : Membuat Pembayaran Hadir/Tidak Hadir Ke Majlis Konvokesyen.

Sebelum melakukan proses pendaftaran secara *online*, graduan diminta membuat pembayaran untuk majlis konvokesyen kali ke 23 seperti butiran dibawah:

a. Bayaran penyertaan konvokesyen adalah :

- i. RM 200.00 HADIR**
(Majlis konvokesyen sebanyak RM150.00 dan yuran seumur hidup Alumni sebanyak RM50.00)
- ii. RM 100.00 TIDAK HADIR**
(Majlis konvokesyen sebanyak RM50.00 dan yuran seumur hidup Alumni sebanyak RM50.00)

b. Bayaran penyertaan konvokesyen hendaklah dibuat dengan menggunakan Slip Bayaran *Bank In Slip* melalui mana-mana cawangan bank berikut:

Bil.	Nama Bank	Nombor Akaun
1.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	03018010027693
2.	Maybank Berhad	553038007514
3.	RHB Berhad	20302010113154

Pembayaran hendaklah dibuat atas nama “ **KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BHD**” di mana-mana cawangan bank seperti yang telah dinyatakan. **Setiap bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan.**

- c. **Slip asal pembayaran** hendaklah dihantar ke urusetia bersama-sama Borang Jawapan Penyertaan Konvokesyen yang lengkap didaftarkan dan Borang Pengesanan Graduan. Sila catatkan nama dan nombor pendaftaran pelajar di bahagian atas slip bayaran tersebut dan sila poskan ke alamat seperti dibawah:

**Urusetia,
Majlis Konvokesyen Ke 23,
Politeknik Kota Bharu,
Km 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh,
Kelantan Darul Naim.
(u.p.: Unit Psikologi & Kerjaya)**

- d. **Salinan Fotokopi/photostat Slip *Bank In Slip* Bank Islam Malaysia Berhad/Maybank Berhad atau RHB Berhad** yang telah dibuat bayaran akan menjadi **bukti pembayaran** dan **perlu dibawa semasa hari pendaftaran.**

Langkah 2 : Kaedah Mengakses Sistem.

Buka Browser Internet dan taipkan www.pkb.edu.my seperti rajah dibawah:



Kemudian, klik **Menu Utama**.



Paparan utama akan dihasilkan. Pada paparan utama seperti dibawah, sila klik **banner 'Majlis Konvokesyen kali Ke 23'** untuk login graduan.

Selamat Datang Ke Laman Web Rasmi Politeknik Kota Bharu



Selamat datang ke Laman Web Politeknik Kota Bharu. Laman Web ini dihasilkan sebagai laman utama bagi pensyarah dan pelajar mendapatkan informasi terkini. Laman web ini juga mempunyai pelbagai fungsi yang memungkinkan ianya sebagai medium kecemerlangan di antara pelajar, pensyarah dan masyarakat sekeliling.

Tarikh Akhir Penerimaan Borang Permohonan
Hadir/Tidak Hadir Konvokesyen Kali ke 23 ialah sebelum atau pada
08/04/2010

Majlis Konvokesyen Kali ke 23
Tarikh : 26 dan 27 April 2010
Tempat : Dewan Sri Cahaya, Politeknik Kota Bharu

Klik Disini Daftar Hadir/Tidak Hadir

Menu login graduan akan dipaparkan seperti dibawah. Para graduan diminta memasukkan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran untuk proses permohonan hadir/ tidak hadir. Sekiranya graduan terlupa nombor pendaftaran, sila rujuk pada slip peperiksaan atau berhubung terus Urusetia konvokesyen.

UTAMA	INFO KORPORAT	DIREKTORI STAF	GALERI	E-LEARNING	MUAT TURUN	HUB
:: PILIHAN BAHASA						
<input checked="" type="radio"/> Bahasa Malaysia						
<input type="radio"/> English Language						
:: LOGIN STAF						
No Kad Pengenalan <input type="text"/>						
Permohonan Untuk Menghadiri Konvokesyen Pada Tahun 2008						
Masukkan Nombor KP : <input type="text"/> Tanpa Sengkang. Contoh : 820121034321						
Masukkan No. Pend : <input type="text"/> Contoh : 04DAD05F3002						
<input type="button" value="Mohon"/>						

Setelah memasukkan maklumat diatas, sila klik butang **Mohon** untuk memaparkan menu pengesahan dan seterusnya. Di dalam menu ini, para graduan diminta membaca dengan teliti Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen dan Tatacara Permohonan melalui online. Ini boleh dicapai dengan meng'klik' **menu Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen Kali Ke 23** dan menu **Tatacara Permohonan Hadir/Tidak Hadir Melalui Online**.

■ **Menu Pengesahan Untuk Menghadiri Konvokesyen Pada Tahun 2009**

Selamat Datang : MAZROL BIN MAHMOOD

1. **Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen Kali Ke 22.**
2. **Tatacara Permohonan Hadir/ Tidak Hadir Melalui Online**

1. **Permohonan Menghadiri Konvokesyen**
2. Semakan Status Pengesahan Menghadiri Konvokesyen
3. **Mengisi Borang Pengesanan Graduan Secara Online**
** Wajib diisi oleh graduan (Hadir/Tidak Hadir)
4. **Mencetak Surat Pengesahan Kehadiran / Ketidakhadiran Majlis Konvokesyen**
5. **Semakan Senarai Pelajar Yang Menghadiri Konvokesyen**

Klik Untuk Logout

Untuk proses permohonan, graduan diminta meng'klik' **menu Permohonan Menghadiri Konvokesyen**. Hasilnya adalah seperti dibawah. Sila Pilih samada graduan bersetuju atau tidak bersetuju menghadiri konvokesyen.

Selamat Datang : MAZROL BIN MAHMOOD

■ **Permohonan Menghadiri Konvokesyen Politeknik Kota Bharu**

Lengkapkan Butiran

Nama Graduan : MAZROL BIN MAHMOOD
No. KP : 810312035101
No. Pend : 04DEE01F048
Kursus : DUMMY DEE

Status Pengesahan Kehadiran

Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.
 Tidak Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.

Klik Untuk Logout | Kembali Ke Menu Utama

Sila Buat Pilihan: Hadir/Tidak Hadir

Sekiranya graduan bersetuju/tidak bersetuju, maklumat seterusnya perlulah dilengkapi. Ini boleh dirujuk seperti dibawah.

Sila Lengkapkan Butiran Berikut :

Alamat Surat Menyurat : Lorong Haji Ahmad **
 Kok Lanas
 Kelantan

Poskod : 16450 **

Negeri : KELANTAN **

No. Telefon Rumah : Tiada **

No. Handphone : 019-9391234 **

E-Mail (jika ada) : Tiada **

Maklumat Untuk Rekod Alumni

Pekerjaan Semasa : Juruteknik **

Alamat Tempat Bekerja : Siemens VDO **
 Industri, Jalan Gurney
 Lorong Gurney

Poskod : 15300 **


Negeri : P. PINANG **

No. Tel Pejabat : Tiada **

No. Fax Pejabat : Tiada

Saya seperti nama dan bernombor kad pengenalan diatas, bersetuju bahawa maklumat dan butiran yang saya berikan adalah benar dan sahih. Sekiranya maklumat tersebut tidak benar atau mencurigakan atau palsu, saya bersetuju tindakan boleh diambil ke atas saya menghadiri sesi konvokesyen pada kali ini.

Setelah semua maklumat dimasukkan, sila klik butang **Setuju** untuk proses seterusnya. Proses yang berjaya akan memaparkan menu seperti dibawah.





Seterusnya, graduan diminta meng'klik' menu untuk **kembali ke Menu Utama** untuk proses mencetak borang permohonan untuk dihantar ke PKB.



Langkah 3: Mengisi Borang Pengesanan Graduan Secara Online.

Untuk langkah ini, sila klik pada menu **Mengisi Borang Pengesanan Graduan Secara Online** atau melayari <http://202.186.86.250/kpgv4/pengesananlogin.jsp>. Mengisi Borang adalah **WAJIB** kepada semua graduan yang hadir ataupun tidak hadir. Kemudian sila cetak **Slip Pengesanan Kajian Pengesanan Graduan** (seperti rajah di bawah) dan lampirkan bersama Borang Permohonan Hadir/Tidak Hadir Konvokesyen. Bagi graduan yang akan hadir ke majlis konvokesyen, sila bawa 1 salinan dan serahkan kepada petugas semasa mengambil jubah. Para graduan diingatkan supaya tidak meninggalkan proses ini kerana sijil tidak akan diposkan kepada mereka yang gagal mengisi Borang Pengesanan Graduan Secara Online khususnya kepada graduan yang tidak hadir majlis konvokesyen. (Sila lihat Langkah 4 untuk proses mencetak).

	KAJIAN PENGESANAN GRADUAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	
Nama	MUHAMMAD IZAT BIN ISHAK	
Institusi	POLITEKNIK KOTA BHARU - PKB	
No. Kad Pengenalan	860713565811	
No. Matrik	04DKA07F346	
Tarikh Ujian	6 Julai 2009	
Tarikh Slip Dicitak	8 Julai 2009	
Status Terkini	Bekerja	
Cetak Keluar		
Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama anda.		
SELAMAT MAJU JAYA!		

Contoh Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan yang perlu dicetak.

Langkah 4: Mencetak Borang Permohonan.

Setelah Borang Pengesanan Graduan Secara Online diisi dan dicetak, graduan perlu kembali ke Menu Utama untuk mencetak borang permohonan untuk hadir/tidak hadir ke majlis konvokesyen. Sila lihat rajah dibawah.

<p>Menu Pengesahan Untuk Menghadiri Konvokesyen Pada Tahun 200</p> <p>Selamat Datang : MAZROL BIN MAHMOOD</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen Kali Ke 22. 2. Tatacara Permohonan Hadir/Tidak Hadir Melalui Online <hr/> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan Menghadiri Konvokesyen 2. Semakan Status Pengesahan Menghadiri Konvokesyen 3. Mengisi Borang Pengesanan Graduan Secara Online ** Wajib diisi oleh graduan (Hadir/Tidak Hadir) 4. Mencetak Surat Pengesahan Kehadiran / Ketidakhadiran Majlis Konvokesyen 5. Semakan Senarai Pelajar Yang Menghadiri Konvokesyen <p>Klik Untuk Logout</p>

Langkah 5 : Proses Menghantarkan Borang Jawapan

Setelah selesai semua proses diatas dilaksanakan, graduan diminta merujuk rajah diatas untuk menyemak borang-borang yang perlu dihantar ke Urusetia Konvokesyen PKB. Kesemua borang-borang beserta salinan asal slip pembayaran melalui Bank hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Urusetia,
Majlis Konvokesyen Ke-23
Politeknik Kota Bharu
Km24, Pangkal Kalong,
16450, Kok Lanas
Kelantan.
(U.P: Unit Psikologi & Kerjaya)**

Sila tuliskan jabatan pengajian pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat jawapan dan kembalikan surat ini kepada Urusetia sebelum atau pada **08 hb APRIL 2010 (Khamis)**. Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 09-78889126/09-7889344 (ext 143,152 atau 115) Unit Psikologi & Kerjaya.

Harap Maklum